
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SAU309 – Hubungan Etnik dan Rasisme

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini ada tiga bahagian. Jawab soalan 1 di Bahagian A, satu soalan di Bahagian B dan satu soalan di Bahagian C.

Bahagian A Soalan Teras Kursus

WAJIB DIJAWAB

SOALAN 1

Terangkan:

1. Ikatan individu dan ikatan kumpulan (20 Markah)
2. Batas etnik dan kotak etnik (20 Markah)
3. Etnik sebagai penyebab dan etnik sebagai penyebab-akibat (20 Markah)
4. Masyarakat majmuk dan masyarakat pelbagai etnik (20 Markah)
5. Kepentingan individu dan kepentingan kumpulan (20 Markah)

Bahagian B Soalan Teori

JAWAB SATU SOALAN SAHAJA

SOALAN 2

1. Takrifkan konsep dasar awam (10 Markah)
2. 'Prinsip agihan berpatutan kumpulan dan prinsip agihan berpatutan individu'. Hurai kedua-dua konsep ini dan nyatakan kekuatan dan kelemahan konsep-konsep itu dalam membina masyarakat yang makmur dan harmoni. (40 Markah)

3. Dasar Ekonomi Baru berteraskan prinsip agihan berpatutan kumpulan. Nyatakan satu kesan baik dan satu kesan buruk pelaksanaan dasar ini ke atas perhubungan etnik di Malaysia. (50 Markah)

SOALAN 3

1. Takrifkan konsep etnik dan ras. (10 Markah)
2. Huraikan teori masyarakat majmuk yang diketengahkan oleh J.S. Furnival. Masih relevankah lagi teori ini untuk diguna pakai bagi memahamni hubungan dan masalah di antara etnik di Malaysia? (40 Markah)
3. Nyatakan kekuatan teori pilihan rasional tentang perhubungan ras dan etnik dalam menjelas arah dan tahap perpaduan negara di Malaysia (50 Markah)

Bahagian C Soalan Praktikum

JAWAB SATU SOALAN SAHAJA

SOALAN 4

1. Takrifkan konsep kejahilan bersama dengan memberi satu contoh. (10 Markah)
2. 'Data kajian dalam dekad 1990an menunjukkan batas etnik nipis di kalangan masyarakat Melayu dan Cina yang dikaji'. Apakah iktibar yang dapat diambil dari penemuan kajian itu bagi kita memahami kedudukan perpaduan negara di Malaysia. (40 Markah)
3. 'Di sebalik nipisnya batas etnik di kalangan masyarakat Melayu, Cina, India dan lain-lain, mereka didapati sering mengembeling kekuatan kaum masing-masing hingga menebal batas etnik dan menegang hubungan di antara etnik'. Nyatakan beberapa insiden sedemikian dalam dua tahun kebelakangan ini dan kenapa insiden-insiden itu berlaku? (50 Markah)

...3/-

SOALAN 5

1. 'Tiada satu kumpulan kekal dan perubahan kumpulan berlaku kerana individu berubah'. Nyatakan 5 faktor yang boleh merubah tingkahlaku individu hingga batas kumpulannya nipis
(10 Markah)

2. Nyatakan 'masyarakat idaman' yang terbina sebelum negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
(40 Markah)

3. Apakah bentuk bangsa Malaysia yang mungkin terbina di awal alaf baru ini.
(50 Markah)

- oo o0o oo -